

Tugas penting ialah untuk pulihkan maruah Melayu

PM mahu Shamelin jadi teladan

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi tugas penting kepada Koperasi Shamelin Berhad untuk memulihkan maruah dan menghapuskan kecurigaan masyarakat umum terhadap kepercayaan Bumiputera di bidang perniagaan dengan menjadi sebuah syarikat 'teladan'.

Perdana Menteri ma-

hukan Shamelin berdiri sebaris dengan syarikat-syarikat terkemuka seperti Hyundai dari Korea Selatan, yang bukan saja dapat meyakinkan masyarakat dunia tentang keupayaannya dalam tempoh 10 tahun, tetapi membuktikan kemampuan pengurusan yang baik.

Dalam hubungan ini, Shamelin hendaklah membuktikan kemampuan dan kejujurannya untuk menjalankan tugasnya, untuk memulihkan keyakinan umum terhadap Bumiputera.

Untuk mencapai matlamat itu, syarikat milik Bumiputera itu hendaklah membuktikan ia mampu menyiapkan projek mengikut jadual dan menjamin mutu yang dijanjikan.

Shamelin, dengan lebih dua juta ahlinya, bukan saja mesti menjadi kontraktor kepada kerajaan di masa depan tetapi, secara perendrikan, hendaklah menjadi kontraktor kepada sektor swasta.

Keceapan

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian ketika melancarkan projek perumahan Taman Shamelin Perkasia yang akan mengandungi berbagai kemudahan moden di kawasan seluas 14 hektar di Jalan Cheras.

Projek \$500 juta yang akan dilaksanakan dalam tiga peringkat dalam tempoh lima tahun itu diusahakan bersama Syarikat Hyundai.

Perdana Menteri mahukan Shamelin mempelajari setiap aspek pengurusan ketika menjalankan projek usahasanya itu untuk membolehkannya menj-

lankan rancangannya tanpa usahasama.

Katanya, jika keceapan pengurusan itu tidak dapat dipecahkan, projek yang akan dijalankan kemudiannya terpaksa juga menggunakan khidmat rakan usahasama.

"Kalau sepuluh lagi projek akan dibina, sepuluh lagi rakan usahasama akan dicari dan sepuluh muka lagi akan ditemui," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan pihak pengurusan syarikat usahasama itu supaya mengambil tahu setiap keputusan yang dibuat dan kepentingannya. Mereka juga mesti mengambil tahu faktor kewangan dan bentuk peralatan jentera yang digunakan.

"Hampir semua kegagalan yang dikesan bukan disebabkan kurang modal, peluang atau pelangan tetapi kerana kekurangan tenaga pengurusan. Tidak ada modal, telah disediakan pinjaman, peluang telah disediakan dan pelanggan adalah kerajaan sendiri, tetapi mereka tetap gagal," tegas Perdana Menteri.

Bellau berkata: "Shamelin haruslah menunjukkan satu semangat baru sebagai satu teladan untuk memulihkan maruah Bumiputera."

Perdana Menteri juga menegaskan betapa pentingnya setiap projek itu dilaksanakan oleh tenaga pekerja tempatan, tanpa bergantung kepada tenaga luar.

Sebagai contoh, Datuk Seri Dr Mahathir menyebut pengalaman negara Jerman yang mengalami masalah besar bila kira-kira tiga juta rakyat Turki dibawa masuk untuk menjalankan kerja-kerja tertentu.

Di Malaysia, katanya, sektor pembinaan banyak bergantung kepada tenaga kerja rakyat Indonesia, Thai dan Filipina kerana rakyat Malaysia takut untuk bekerja di bangunan-bangunan tinggi.

"Selagi negara ini terlalu bergantung kepada orang lain, selagi itulah negara ini dijajah."

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 8854
No. Penerimaan 171 / 86